

Segerakan projek tebatan banjir

PUTRAJAYA: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan usaha menjamin kebajikan rakyat seperti membasmi kemiskinan tegar dan projek tebatan banjir disegerakan.

Anwar berkata beliau meminta Perben-daharaan memberi kelonggaran supaya dapat dipercepat melalui peruntukan segera bersama Kementerian Ekonomi dan juga proses *pre-queue* yang lebih cepat.

Beliau berkata ini terutamanya melibatkan projek yang melalui proses tender yang memakan masa terlalu lama.

"Mengapa kita tekankan soal tender ini, kerana saya tengok kalau kita pakai rundingan ini, kita gunakan kaedah rundingan, banyak ketelanjurannya dan ketirisannya. Jadi sebaiknya kita gunakan tender.

"Tapi tender itu kadang-kadang kalau proses biasa, akan mengambil masa terlalu panjang namun orang yang terkesan dengan banjir ini tidak mampu menunggu," kata beliau ketika berucap pada majlis perjumpaan bersama warga Jabatan Perdana Menteri di sini, semalam.

Dalam pada itu, beliau memberi amaran bahawa lesen bazar Ramadan yang didapati dijual semula akan dibatalkan dengan segera.

Beliau menegaskan tindakan itu perlu dilaksanakan, kerana saban tahun terdapat pihak yang mengambil kesempatan untuk menjual semula lesen tersebut bagi

mendapatkan keuntungan mudah.

"Kalau ada persatuan yang ambil berpu-luh ringgit untuk pengawasan dan kebersihan, itu saya faham, tetapi ini (salah kerana) dijual semula.

"Jadi kita kena pastikan siapa yang dapat lesen, dia kerja. Kalau dia pindahkan lesen itu, batal segera," katanya.

Anwar berkata pembatalan lesen bazar Ramadan terhadap peniaga yang melakukan kesalahan sedemikian telah diamalkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan boleh dicontohi oleh pihak berkuasa tempatan lain.

"Jadi saya harap dengan pelaksanaan tegas di Kuala Lumpur, dia menjadi satu contoh. Contoh pelaksanaan yang baik. Bayangkan orang nak berniaga pada Ramadan untuk mendapat hasil dan upah lebih tinggi untuk persiapan (Aidilfitri) untuk keluarga. (Tetapi) itu masih ada tokok-tokok selain daripada kadar ditetapkan," kata beliau.

Perdana Menteri menegaskan perkara-perkara kecil seumpama itu jika tidak diambil tindakan boleh menyebabkan keruntuhan tatakelola yang lebih besar dalam negara.

"Tetapi kalau kita biarkan beginilah keadaannya, di merata tempat. Sekecil-kecil gerai, sebesar-besar projek raksasa.

"Saya percaya (penguatkuasaan) ini juga harus dilakukan di pelabuhan, di lapangan

terbang. Kita tengok beberapa sistem yang lebih kemas dan cekap sekarang tetapi tidak terlepas beberapa pelanggaran yang harus kita pantau," kata Anwar.

Sementara itu, beliau turut mengajak umat Islam di Malaysia untuk memantapkan persiapan diri menjelang bulan suci Ramadan yang akan tiba awal bulan depan.

"Persiapan maknanya sekurang-kurangnya

mengulangi dan membaca makna, khasiat dan mesej risalah mengenai Ramadan dan supaya penghayatan itu lebih bermakna.

"Ramadan itu memberikan satu penegasan tentang disiplin, tentang kekuatan rohani dan keyakinan dan juga sifat lebih sederhana, lebih perhatian kepada nasib masyarakat yang tersisih dan terbiar," kata beliau.

-Bernama